

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2002/2003

September 2002

YKT 214 - Teknologi Komunikasi

Masa: 3 jam

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan mengandungi **SATU (1)** muka surat bercetak dan 5 soalan sebelum memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.

Sumbangan markah tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

1. Dengan memberikan contoh-contoh nilaikan sejauh manakah masyarakat yang baru dan berbeza telah wujud akibat perkembangan teknologi komunikasi baru.
2. Dalam artikel Schiller, H. (1991) *Not Yet the Post Imperialist Era*, bincangkan mengapa beliau membantah teori audien aktif dan ide bahawa globalisasi akan membawa kepelbagaian.
3. Perkembangan pergerakan dan kumpulan yang memperjuangkan isu-isu seperti wanita, ras, identiti semakin ketara. Dengan contoh-contoh nilaikan sejauh manakah teknologi komunikasi baru memperbanyakkan ruang untuk suara-suara ini.
4. Dengan contoh-contoh nilaikan sejauh manakah teknologi maklumat membawa kesan ke atas perhubungan industri dan pekerjaan wanita.
5. Perkembangan pasaran kapitalis melalui teknologi komunikasi dianggap sebagai satu peluang yang baik untuk perubahan sosial dan politik di negara-negara membangun. Nilaikan.

- ooo O ooo -